



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

---

**PEKELILING  
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT  
BILANGAN 8 TAHUN 2022  
GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT**

---

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**



**KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**  
*Director General of Social Welfare*  
**Jabatan Kebajikan Masyarakat**  
*Department of Social Welfare*  
Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1777  
Faks (Fax): 603-8323 2092  
Laman Web: [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)  
(Website)

Ruj. Kami: JKM 100/03/1/JLD.6 (21)

Tarikh: 29 September 2022

Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri  
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah  
Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Labuan

---

## PEKELILING

### KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT BILANGAN 8 TAHUN 2022

---

### GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkaitan Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat JKM.

## LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2016 telah bersetuju agar logo rasmi kementerian dan agensi digantikan dengan logo Jata Negara sahaja berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Sehubungan dengan itu Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JKM Bilangan 3/2022 pada 18 hingga 19 Ogos 2022 telah memutuskan supaya penggantian reka bentuk baju korporat sedia ada diseragamkan kepada reka bentuk baju yang sedang digunakan ketika ini oleh pegawai kanan JKM dan KPWKM.
2. Penyeragaman reka bentuk baju korporat JKM bertujuan untuk menetapkan identiti rasmi pemakaian baju korporat bagi warga kerja JKM. Selain itu, ia akan menjadi pakaian alternatif bagi program-program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan.
3. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini disediakan agar pemakaian baju korporat JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi dapat diseragamkan.

## PELAKSANAAN

4. Garis panduan pemakaian Baju Korporat JKM adalah terpakai kepada warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi.
5. Untuk makluman, **pembekalan baju korporat ini tidak melibatkan peruntukan Jabatan / Bahagian** dan dicadangkan agar dibiayai sendiri oleh warga kerja JKM selaras dengan Surat Pekeling Kewangan Bil. 8 Tahun 2008 (para 25) yang menyatakan bahawa “pembekalan baju korporat Jabatan / Bahagian yang menggunakan peruntukan kerajaan dihentikan serta merta”. Dalam hal ini pakaian semasa bertugas di pejabat (termasuk baju korporat) dan menghadiri upacara-upacara rasmi yang lain adalah tertakluk kepada pekeliling dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:
  - i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Awam);
  - ii. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

- iii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi);
- iv. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPS(S)TT.193/37 Jld4 bertarikh 15 Mac 2005 (Galakan Memakai Baju Kebangsaan Pada Hari Jumaat); dan
- v. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 (Pemakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada hari Khamis).

## PEMAKAIAN

6. Pemakaian baju korporat oleh warga kerja JKM ditetapkan pada setiap hari **ISNIN MINGGU PERTAMA DAN KETIGA** setiap bulan atau tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan.

7. Pemakaian baju korporat oleh warga kerja JKM digalakkan ketika melaksanakan tugas rasmi di pejabat atau menghadiri program-program Jabatan. Bagi warga kerja lelaki, baju korporat hanya boleh dipakai bersama-sama seluar panjang seperti *slack/ khakis* dengan keutamaan kepada warna gelap. Bagi warga kerja wanita, baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh berbentuk A (*A line skirt*) paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam.

8. Warga kerja JKM yang dibekalkan dengan pakaian seragam/*uniform* hendaklah memakainya ketika bertugas pada setiap masa melainkan diarah dari semasa ke semasa oleh Ketua Jabatan.

9. Pekeliling ini membatalkan pekeliling terdahulu bertarikh 16 Mac 2020 No. Rujukan JKM 100/03/1/Jld.5 (12) dan berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

10. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan pemakaian baju korporat oleh semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing demi meningkatkan imej korporat JKM.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ tuan/ puan berhubung hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT)**

Lampiran Kepada Pekeliling Bilangan 8 Tahun 2022

Ruj. Kami: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)

Tarikh: 29 September 2022



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN PEMAKAIAN BAJU KORPORAT  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)**

Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
No. Dokumen: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)  
No. Pindaan: 0  
Tarikh Berkuat Kuasa: 29 September 2022


**Pemakaian:**

LELAKI	WANITA
Baju korporat dipakai bersama-sama seluar panjang ( <i>slack/ khakis</i> ) dengan keutamaan warna gelap.	Baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh "A" ( <i>A-line skirt</i> ) paras tumit atau seluar panjang plos berwarna hitam.

**JENIS 1: BAJU KORPORAT LELAKI**

**PANDANGAN HADAPAN**

**PANDANGAN BELAKANG**




Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
No. Dokumen: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)  
No. Pindaan: 0  
Tarikh Berkuat Kuasa: 29 September 2022

## JENIS 2: BAJU KORPORAT WANITA LENGAN PANJANG

### PANDANGAN HADAPAN

### PANDANGAN BELAKANG






Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
No. Dokumen: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)  
No. Pindaan: 0  
Tarikh Berkuat Kuasa: 29 September 2022

### JENIS 3: BAJU KORPORAT WANITA LENGAN TIGA SUKU

#### PANDANGAN HADAPAN

#### PANDANGAN BELAKANG




Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
No. Dokumen: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)  
No. Pindaan: 0  
Tarikh Berkuat Kuasa: 29 September 2022

## JENIS 4: BAJU KORPORAT WANITA MUSLIMAH

### PANDANGAN HADAPAN

### PANDANGAN BELAKANG



Tajuk Dokumen: Garis Panduan Pemakaian Baju Korporat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
No. Dokumen: JKM 100/03/1 JLD. 6 (21)  
No. Pindaan: 0  
Tarikh Berkuat Kuasa: 29 September 2022

## UKURAN LOGO DAN TULISAN



SHAHARUDDIN | 0.8cm

| 0.5inch

### WARNA BAJU KORPORAT



(BASE)

JENIS KAIN : GERMAN COTTON  
WARNA KAIN : PERSIAN BLUE



(PIPING)

WARNA KAIN : PUTIH